



GARIS PANDU PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO **BAGI WAWASAN BRUNEI 2035**

A. LATAR BELAKANG WAWASAN BRUNEI 2035.

- 1) Wawasan Brunei 2035 telah dilancarkan dalam buku Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam yang mengandungi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan ianya sebagai satu warisan kepada generasi masa kini dan masa depan untuk bersedia dan berupaya menangani apa jua cabaran-cabaran besar berupa keperluan individu, masyarakat, kerohanian, kebudayaan dan juga perekonomian secara bersepadu.
- 2) Menjelang tahun 2035, Wawasan Brunei ini bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam mencapai kecemerlangan dalam tiga Matlamat berikut:

Matlamat 1: Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya

Matlamat 2: Kualiti Kehidupan Rakyat

Matlamat 3: Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan

- 3) Ke arah mencapai Wawasan ini, semua rakyat dan penduduk perlu bersatu dalam:
 1. Kesetiaan kepada Sultan dan Negara;
 2. Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan
 3. Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.
- 4) Bagi menjamin masa depan yang cerah dan makmur, Negara Brunei Darussalam mesti bersedia membuat perubahan termasuk mengenalpasti tren-tren global yang akan memberikan impak kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.
- 5) Ini mengkehendaki kita untuk mempunyai perancangan yang mantap, dinamik, *futuristic* serta berupaya untuk menerapkan budaya inovasi di samping mengekalkan nilai-nilai teras yang telah menjadi sandaran yang memperkukuhkan pembangunan negara sehingga ke hari ini.
- 6) Kerjasama daripada semua lapisan masyarakat atau *whole of nation* adalah penting dalam sama-sama melaksanakan usaha-usaha ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

B. OBJEKTIF

Objektif utama pertandingan ini adalah untuk:

- 1) Mewujudkan tanda (trademark) tetap yang melambangkan identiti Wawasan Brunei 2035 agar mudah diingat, dikenal serta digunapakai oleh orang ramai.
- 2) Melibatkan rakyat dan penduduk tetap dalam memupuk penghayatan dan aspirasi rakyat mengenai masa depan Negara Brunei Darussalam khususnya Wawasan Brunei 2035.
- 3) Sumber ristaan sejarah dalam usaha generasi masa kini dan akan datang untuk bersatu padu merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan berpandukan kepada nilai-nilai teras negara.

C. HADIAH

- 1) Pemenang mereka cipta logo akan menerima sebanyak **B\$3,000.00 (Tiga Ribu Ringgit sahaja)** berserta **Sijil Penghargaan dan Plak**.
- 2) Sijil Penghargaan dan plak akan diberikan kepada pemenang yang mendapat **tempat kedua (2) hingga ke lima (5)** sahaja.

D. SYARAT PENYERTAAN

- 1) Pertandingan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
- 2) Peserta dibenarkan menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu (1) borang penyertaan yang lengkap.
- 3) Setiap reka cipta hendaklah asli dan belum pernah dipertandingkan. Pejabat Wawasan Brunei tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hak cipta logo tersebut.
- 4) Huraian dan pengertian logo hendaklah disatukan dalam kertas secara berasingan.

5) Semua reka cipta hendaklah dihantar dalam bentuk:

- **Hardcopy** pada kertas bersaiz A4. Peserta dikehendaki meletakkan maklumat peserta di belakang kertas seperti berikut:

Nama Penuh: _____
No. Kad Pinar: _____
No. Telefon: _____
Emel: _____

- **Digital softcopy** logo hendaklah dihadapkan dalam bentuk “unflattened / layered” melalui *softcopy* dalam bentuk CD / DVD **atau** emel dalam format AI, PDF, TIFF atau PNG dengan memberikan link *Google Drive* atau *Dropbox* atau lainnya.

Emel: **wb2035@jpm.gov.bn**

Dengan subjek: **Pertandingan Mencipta Logo Wawasan Brunei 2035**

- Logo hendaklah dicetak dengan ukuran reka bentuk fail digital dalam saiz minima 1000 pixel X 1000 pixel (300dpi) yang sedia untuk digunakan.

E. SPESIFIKASI LOGO

- 1) Bentuk adalah bebas.
- 2) Rekaan boleh mengandungi panji-panji Kerajaan Brunei termasuklah bendera Negara Brunei Darussalam (tetapi tidak diwajibkan).
- 3) Logo tidak boleh mengandungi elemen-elemen seperti yang mengandungi lukisan objek yang bernyawa lengkap dengan anggotanya.
- 4) Penggunaan warna bagi setiap rekaan tidak melebihi lima (5) warna termasuk hitam dan putih.
- 5) Setiap logo hendaklah mengandungi:
 - Perkataan Wawasan Brunei 2035 sama ada dalam tulisan rumi atau tulis jawi atau kedua-duanya.
 - Jika kedua-duanya digunakan, tulisan jawi hendaklah berukuran dua (2) kali lebih besar dan ditempatkan di atas tulisan rumi. Ejaan jawi yang telah ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka boleh dirujuk di laman web **www.dpb.gov.bn**

F. CIRI-CIRI KHUSUS LOGO

Logo-logo yang dipertandingkan hendaklah menggambarkan ciri-ciri berikut:

- 1) Hasrat dan aspirasi negara bagi ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035.
- 2) Kemajuan negara berteraskan konsep Melayu Islam Beraja.
- 3) Perpaduan rakyat dan penduduk atau *whole of nation* ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.
- 4) Mudah (*simple*), *futuristik*, unik (*distinctive*) dan jelas.

G. HAKCIPTA

- 1) Semua logo penyertaan dan pemenang adalah hak milik Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.
- 2) Pihak penganjur berhak mengubahsuai dan menambah logo serta huraian logo yang mendapat tempat pertama atas persetujuan peserta (jika diperlukan).
- 3) Pemenang dikehendaki untuk menyerahkan *softcopy* digital logo berkenaan dalam bentuk "*unflattened/layered*".

H. TEMPOH PERTANDINGAN

- 1) Pertandingan dibukakan selama dua (2) bulan bermula **07 Februari 2021 hingga 07 April 2021**.
- 2) Peserta boleh mendapatkan borang penyertaan pertandingan, peraturan dan syarat penyertaan dengan memuat turun garis panduan pertandingan melalui laman web Wawasan Brunei 2035 (www.wawasanbrunei.gov.bn).

I. TARIKH TUTUP

Borang penyertaan yang lengkap bersama ciptaan logo hendaklah dihadapkan tidak lewat daripada hari **Rabu, 07 April 2021, jam 4 petang** ke:

**Pejabat Wawasan Brunei
Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**


Borang penyertaan yang dihantar lewat daripada tarikh yang dinyatakan di atas, tidak akan diterima.


J. PENILAIAN DAN KEPUTUSAN

- 1) Keputusan adalah muktamad.
- 2) Setiap penyertaan akan dinilai oleh panel hakim yang dilantik oleh pihak penganjur.
- 3) Panel hakim berhak menolak mana-mana reka cipta logo yang kurang atau tidak menepati peraturan dan syarat penyertaan yang dinyatakan.
- 4) Hanya satu reka cipta logo akan dipilih untuk memenangi pertandingan. Pemenang akan menerima hadiah seperti yang dinyatakan di atas.
- 5) Pemenang pertandingan akan dihubungi melalui telefon atau emel sebaik sahaja panel hakim selesai membuat penghakiman.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**Pejabat Wawasan Brunei
Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

 **+673 2224645 ext 1149**

 **+673 2220667**

 **wb2035@jpm.gov.bn**

 **www.wawasanbrunei.gov.bn**